



10 JUN, 2021

## MAFI serah bantuan kepada frontliners di MAEPS

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### MAFI serah bantuan kepada frontliners di MAEPS

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC), Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada Rabu.

Menurut satu kenyataan, bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyumbangkan produk makanan 'Agromas Ready To Eat'.

"Turut disampaikan ialah tajaan beras oleh pihak MARDI Corporation bertujuan untuk membantu meringankan beban petugas barisan hadapan yang terkesan dengan penularan Covid-19," menurut MAFI.

Bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah MAEPS 2.0 diaktifkan semula pada 6 Disember 2020 berikutan peningkatan mendadak kes Covid-19 dan pelaksanaan program saringan pekerja asing oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 yang kini beroperasi di sembilan buah dewan, menampung sehingga 5,000 pesakit pada satu-satu masa dan merawat lebih 100,000 pesakit dalam masa enam bulan.



Ahmad Hamzah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan bantuan MAFI kepada Dr Shahabuddin (dua dari kanan) di PKRC MAEPS Serdang pada Rabu.



10 JUN, 2021

## MAFI serah bantuan kepada frontliners di MAEPS

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC), Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada Rabu. Menurut satu kenyataan, bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyumbangkan produk makanan 'Agromas Ready To Eat'.